
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JKP 313 – Institusi Politik

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Bahagian A wajib dijawab. Pilih DUA soalan daripada Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

Jawab Soalan 1 dan pilih dua soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. “Amalan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen didokong dengan menghormati piagam pembahagian kuasa di antara kuasa perundangan, kuasa eksekutif dan kuasa kehakiman, nyata terbukti memberikan satu bentuk semak dan timbang yang amat berkesan untuk menyekat sebarang salah guna kuasa daripada berlaku” (Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi, ucapan sulung di Parlimen selaku Perdana Menteri Malaysia, 3 November 2003).

Analiskan kebenaran pernyataan di atas dengan contoh-contoh dari sekurang-kurangnya sebuah negara selain Malaysia.

(100 markah)

BAHAGIAN B

2. “Untuk menjadi Ahli Parlimen yang berkesan, kita mesti jatuh cinta dengan parlimen... Kalau tidak, kita akan dapati suasana di parlimen boleh membosankan dan menjemukan. Kita terpaksa mendengar ucapan-ucapan yang berjela-jela, selalu juga ucapan yang kita tidak suka mendengar. Kita juga terpaksa mengikuti pelbagai mesyuarat dan perbincangan di peringkat jawatankuasa kecil dan besar” (Winston Churchill, bekas Perdana Menteri Britain).

Perlukah keberkesanan seorang Ahli Parlimen dinilai berdasarkan kejayaannya mengendalikan tugas yang pelbagai, selain mewakili rakyat kawasannya? Mengapa?

(100 markah)

3. Bandingkan dan bezakan Senat di Amerika Syarikat dengan Dewan Negara di Malaysia.

(100 markah)

...3/-

4. Dalam sistem Westminster, Perdana Menteri sering diistilahkan sebagai *primus inter pares* (pertama di kalangan yang setaraf). Sejauh manakah pentingnya kedudukan ini dalam mencorakkan sikap bertanggungjawab di kalangan anggota kabinet?

(100 markah)

5. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Rais Yatim, kenaikan pangkat hakim tidak terikat kepada kekananan atau tempoh perkhidmatan yang lama semata-mata. Oleh itu, apakah sepatutnya menjadi kriteria utama dalam menentukan perlantikan dan kenaikan pangkat hakim? Berikan hujah anda.

(100 markah)

